

07/01/2003

Pemimpin Pas gelisah Dr Mahathir mahu bersara

Putera Kajang

TIDAK sukar untuk menghurai apa yang tersirat di sebalik keghairahan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, terhadap doktrin terbaru Pas, bahawa Umno akan bertelagah berebut kuasa apabila Perdana Menteri melepaskan jawatannya dalam parti dan kerajaan, Oktober depan.

Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, buat kali pertama pada 1999, mendedahkan betapa beliau berhasrat melepaskan jawatan Perdana Menteri selepas Sukan Komanwel 1998, pemimpin Pas menempelak bahawa ia sekadar bersandiwara.

Dr Mahathir berkata, beliau terpaksa membatalkan niatnya kerana berasa tidak wajar melepaskan jawatan ketika negara dilanda kegawatan ekonomi dan disusuli masalah politik.

Mereka menjaja ke sana ke mari bahawa Dr Mahathir tidak akan meletakkan jawatan. Hanya maut yang akan memisahkannya daripada kerusi nombor satu Malaysia itu, kata mereka.

Dan apabila Dr Mahathir membuat kejutan pada Jun tahun lalu pada akhir Perhimpunan Agung Umno bahawa beliau berhasrat melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan serta-merta, ramai yang tergamam, tetapi tidak bagi pengikut dan pemimpin Pas.

Bagi mereka ini adalah sandiwara terbesar dalam sejarah Umno dan negara seperti yang didakwa oleh Dr Hatta Ramli, bekas pegawai khas Allahyarham Datuk Fadzil Noor, ketika mengulas tindakan Dr Mahathir 'menarik balik' keputusan mengejutnya itu selepas dipujuk Majlis Tertinggi Umno.

Kompromi Dr Mahathir dengan Majlis Tertinggi Umno dan Barisan Nasional (BN) bahawa beliau bersetuju melepaskan jawatan secara lebih teratur mengambil masa hingga Oktober depan, ia sekadar memeriahkan lagi pentas ceramah politik Pas.

Keputusan Dr Mahathir itu hanya satu jenaka bagi mereka. Pemimpin Pas menanamkan kepercayaan kepada pengikut mereka bahawa Presiden Umno itu tidak akan bersara apabila tiba Oktober nanti.

Atas keyakinan yang ditanam oleh pemimpin Pas bahawa Perdana Menteri tidak akan berundur, ramai pengikut Pas dengan bongkaknya sanggup 'potong jari' kalau Dr Mahathir benar-benar mengundurkan diri.

Tetapi sejak Jun hingga sekarang, banyak tindakan, kenyataan, pengumuman dan sebagainya yang dibuat Dr Mahathir, Umno, BN di pelbagai majlis, menjuruskan keikhlasan Dr Mahathir akan mengotakan kata-katanya itu.

Ini amat meresahkan pemimpin Pas terutama Abdul Hadi, kerana masa semakin suntuk dan tidak menyebelahi mereka.

Untuk mencari jalan keluar paling mudah ialah mengalih tumpuan kepada isu lain. Itulah yang dilakukan Abdul Hadi dan rakan-rakannya bahawa Umno akan berperang berebut kuasa apabila Dr Mahathir bersara.

Secara tidak langsung, doktrin terbaru Abdul Hadi ini sekadar mengesahkan bahawa Dr Mahathir benar-benar akan mengundurkan diri apabila tiba masa yang dijanjikannya itu.

Sebelum ini, dalam ceramah di Pusat Tarbiyah Islam Kelantan (Putik), bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob begitu 'garang' mendakwa bahawa perang nuklear akan meletus dalam Umno apabila Dr Mahathir mengundurkan diri.

Malangnya Bunyamin tidak dapat meneruskan lagi 'road show' ini kerana dilaporkan 'tidak sihat' sejak diseret ke mahkamah atas fitnah beliau pada majlis yang sama, bahawa Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucunya.

Demikianlah cara pemimpin Pas mengabui mata dan menyerabutkan pemikiran

pengikut parti itu demi kelangsungan kerjaya politik mereka.

Amat sedih, masih ada orang Melayu/Islam merelakan kotak fikir mereka dipenuhi pelbagai doktrin Pas yang sangat jelek itu.

PUTERA KAJANG,

Bandar Baru Bangi, Selangor.